

GM Klang sasar 6 juta pengunjung

Pelbagai kempen dirangka sempena Tahun Melawat Selangor 2025

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD KLANG

Pusat Borong GM Klang menyasarkan kehadiran enam juta yang berkunjung dan membeli-belah di pusat borong sehenti berkenaan sepanjang kempen Tahun Melawat Selangor 2025. Pengarah Urusan GM Klang Datuk Lim Seng Kok berkata, pelbagai kempen termasuk menerusi media sosial telah dirangka dan akan dilaksanakan mulai bulan ini bagi menarik lebih banyak pelancong dari dalam dan luar negara ke

Selangor, sekali gus turut berkunjung ke GM Klang.

Menurutnya, antara kempen yang akan berlangsung dan mendapat sokongan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) serta Tourism Selangor itu ialah Ke Mana Kita Lepas Borong? yang direka khas untuk menggalakkan pengunjung mempromosikan tempat pelancongan lain di sekitar Selangor.

“Untuk menyertai kempen ini, pengunjung perlu memuat naik dua gambar di GM Klang dan mana-mana destinasi pelancongan lain sekitar Selangor yang disertakan dengan kapsyen kreatif.

“Kempen lain ialah *Check-in, Spend-in, Type-in & Win!* yang menggalakkan orang ramai berkunjung dan berbelanja RM200 di GM Klang untuk berpeluang memenangi hadiah menarik,” jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika sidang akhbar selepas Majlis



Suee Lim (tengah) melancarkan Kempen Istimewa GM Klang Sempena Tahun Melawat Selangor 2025 bersama Seng Kok (dua dari kanan) pada Selasa.

Pelancaran Kempen Istimewa GM Klang Sempena Tahun Melawat Selangor 2025 yang telah dirasmikan oleh Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor, Datuk Ng Suee Lim di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Seng Kok berkata, pihaknya turut menawarkan insentif membeli-belah sebanyak RM500 setiap bulan bermula 2025 bagi pengunjung yang bertuah.

Tambahnya, lagu tema GM Klang dalam versi bahasa

Inggeris turut dilancarkan bagi meluaskan mesej kepada pengunjung antarabangsa bertepatan dengan ulang tahun pihaknya yang ke-15 pada tahun ini.

“Lagu tema ini bakal dipromosikan dengan lebih meluas melalui *TikTok Challenge* bermula hujung November ini dengan usaha menaikkan penguasaan penggunaan #VisitSelangor2025.

“Dengan usaha berterusan ini, diharapkan ia menjadi pemangkin untuk membangunkan lagi sektor pelancongan Selangor dan memperkukuhkan peranan GM Klang sebagai Duta Pelancongan Bandaraya Diraja Klang.

“Selain itu, GM Klang turut terlibat dalam kempen *Malaysia Year End Sale* anjuran Tourism Malaysia di mana pemborong terpilih bakal mengadakan promosi hebat dan jualan penghabisan stok bermula 20 Disember ini sehingga 5 Januari 2025,” ujarnya.

Virtual Football Pro League medan himpun peminat e-sukan

SHAH ALAM - Peminat e-sukan negara berpeluang menyaksikan Kejohanan *Virtual Football Pro League* yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 16 dan 17 November ini.

Pengarah Urusan MAQNA Momento Sdn Bhd (MAQNA Esports), Sahrin Sapuan berkata, kejohanan melibatkan perlawanan EAFC25 11 sebelah itu bakal menjadi medan berkumpul buat komuniti yang menyokong sukan berkenaan.

“Komuniti e-sukan dijemput untuk menyaksikan perlawanan EAFC25 yang mengumpulkan pemain dari seluruh rantau, bertanding merebut kemasyhuran, hadiah dan gelaran kejohanan berprestij.

“Dengan jangkaan kehadiran ratusan penonton dan pasukan kompetitif, kejohanan ini menjanjikan suasana penuh semangat serta perlawanan mendebarkan daripada pasukan terbaik dalam e-sukan di Malaysia,” katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Sahrin menjelaskan, kejohanan tersebut menghimpunkan pemain dan pasukan EAFC25 untuk bertanding dalam format *Grouping GSL* dan *Playoff Double Elimination* yang akan memamerkan kemahiran peserta serta stra-



SAHRIN



Kejohanan *Virtual Football Pro League* yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 16 dan 17 November ini.

tegi masing-masing.

Menurutnya, pertandingan berintensiti tinggi itu unik dan bakal memberi nafas baharu dalam pertandingan e-sukan negara.

“Kami teruja membawa kejohanan EAFC25 ke pusat beli-belah terkemuka yang kini berkembang menjadi hab bagi acara-acara e-sukan di Malaysia.

“Kejohanan ini bukan sahaja meraih bakat dan semangat pemain tempat-

an, malah menyediakan peluang untuk komuniti berkumpul dan menyokong sukan ini,” ujarnya.

Bakal berlangsung di Strand Mall Kota Damansara, Kejohanan *Virtual Football Pro League* juga akan disiarkan secara langsung di skrin besar seluruh pusat beli-belah berserta ulasan pakar e-sukan.

Selain itu, penonton juga mempunyai akses kepada papan skor semasa bagi

memudahkan mereka mengikuti perkembangan pemain kegemaran sepanjang kejohanan itu.

Pengunjung juga berpeluang bertemu pemain profesional dan pemengaruh popular dari komuniti EAFC25 iaitu Man Parang dan Anis Asyikin.

Untuk maklumat lanjut mengenai jadual perlawanan, layari laman media sosial @maqnaesportsclub.